



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi memohon jawatan berikut:

1. **ARKITEK LANDSKAP GRED J9 (KONTRAK/TETAP)**
 2. **ARKITEK GRED J9 (KONTRAK/TETAP)**
 3. **PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J9 (KONTRAK/TETAP)**
 4. **JURUTERA (AWAM) GRED J9 (KONTRAK/TETAP)**
 5. **PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN GRED U5 (KONTRAK/TETAP)**
 6. **PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) GRED JA1 (KONTRAK/TETAP)**
 7. **PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN GRED U1 (KONTRAK/TETAP)**
 8. **PEMBANTU KHIDMAT AM (PEMANDUAN) GRED H1 (KONTRAK/TETAP)**
 9. **PEMBANTU KHIDMAT AM (AM) GRED H1 (KONTRAK/TETAP)
(PENYELENGGARAAN RUMAH REHAT DBKL LANGKAWI)**
-

A.

1. JAWATAN	:	ARKITEK LANDSKAP
KEKOSONGAN JAWATAN	:	01
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	:	GRED J9
		RM2,250.00 – RM11,110.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

*** Calon yang mempunyai Ijazah, Diploma dan Sijil dari institusi pengajian tinggi swasta hendaklah menyemak pengiktirafan di laman web <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> atau <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Arkitek Landskap adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Arkitek Landskap Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (i); dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

2. JAWATAN	: ARKITEK
KEKOSONGAN JAWATAN	: 01
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	: KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	: GRED J9
	RM2,250.00 – RM11,110.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina/Ijazah Sarjana dalam bidang Seni Bina dengan pengiktirafan Bahagian II oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (ii) Berdaftar sebagai Arkitek Graduan dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

*** Calon yang mempunyai Ijazah, Diploma dan Sijil dari institusi pengajian tinggi swasta hendaklah menyemak pengiktirafan di laman web <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> atau <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Seni Bina)/ Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA5, JA6, JA7 dan JA8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Arkitek Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(i) dan 1(ii); atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bhaagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia /Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

(b) Had umur pelantikan

- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

3. JAWATAN	:	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEKOSONGAN JAWATAN	:	01
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	:	GRED J9
		RM2,250.00 – RM11,110.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Geografi, Ekonomi, Sains, Antropologi atau Perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina dan Ijazah Sarjana atau Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang Perancangan Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*** Calon yang mempunyai Ijazah, Diploma dan Sijil dari institusi pengajian tinggi swasta hendaklah menyemak pengiktirafan di laman web <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> atau <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (i), (ii), (iii), (iv); dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. JAWATAN	: JURUTERA (AWAM)
KEKOSONGAN JAWATAN	: 01
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	: KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	: GRED J9
	RM2,250.00 – RM11,110.00

SYARAT LANTIKAN

4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (ii) Berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

*** Calon yang mempunyai Ijazah, Diploma dan Sijil dari institusi pengajian tinggi swasta hendaklah menyemak pengiktirafan di laman web <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> atau <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

5. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

6. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera Gred JA5, JA6, JA7 dan JA8 dan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB5, AB6, AB7 dan AB8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(i), 1(ii); atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia /Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

(b) Had umur pelantikan

- (iii) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (iv) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (v) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

5. JAWATAN	:	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
KEKOSONGAN JAWATAN	:	01
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	:	GRED U5
		RM1,650.00 – RM6,620.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Diploma Pembantu Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia.

*** Calon yang mempunyai Ijazah, Diploma dan Sijil dari institusi pengajian tinggi swasta hendaklah menyemak pengiktirafan di laman web <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> atau <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. JAWATAN	:	PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)
KEKOSONGAN JAWATAN	:	01
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	:	GRED JA1
		RM1,500.00 – RM4,680.00

SYARAT LANTIKAN

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*** Calon yang memiliki kelayakan SPM hendaklah menyemak syarat kelayakan minimum di laman web https://docs.jpa.gov.my/docs/sspa/LAMPIRAN_B.pdf

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. JAWATAN	:	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN
KEKOSONGAN JAWATAN	:	01
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	:	GRED U1
		RM1,500.00 – RM4,680.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

*** Calon yang memiliki kelayakan SPM hendaklah menyemak syarat kelayakan minimum di laman web https://docs.jpa.gov.my/docs/sspa/LAMPIRAN_B.pdf

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

8. JAWATAN	:	PEMBANTU KHIDMAT AM (PEMANDUAN)
KEKOSONGAN JAWATAN	:	16
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	:	GRED H1
		RM1,500.00 – RM4,680.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 2).

*** Calon yang memiliki kelayakan SPM hendaklah menyemak syarat kelayakan minimum di laman web https://docs.jpa.gov.my/docs/sspa/LAMPIRAN_B.pdf

SYARAT LANTIKAN BAGI KEPERLUAN KHAS (PEMANDUAN/ PENGENDALIAN KREN/ PENGENDALIAN DANDANG/ TUGASAN MENYELAMAT)

- 2.
 - (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
 - (ii) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
 - (iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
 - (iv) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan Loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
 - (v) Bagi tugas menyelamatkan, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Deskripsi Tugas bagi Pembantu Khidmat Am Gred H1 adalah seperti berikut:

- 1. Urusan Pemanduan Kenderaan
 - Memastikan kenderaan dalam keadaan baik.
 - Memastikan pergerakan kenderaan hendaklah berdasarkan arahan Ketua Jabatan.
 - Memandu mengikut undang-undang.
 - Mengemas kini buku rekod penggunaan dan buku rekod penyelenggaraan.

2. Memberi Sokongan Operasi
 - Tugas persiapan logistik majlis rasmi/ mesyuarat.
 - Tugas persiapan logistik majlis rasmi/ mesyuarat.
 - Membersih bangunan /ruang kerja.
 - Melaksanakan tugas rencam seperti pembersihan, penyelenggaraan, tugas landskap serta keceriaan.
 - Memastikan peralatan /ruang kerja beroperasi dengan baik.
 - Menerima dan merekod aduan kerosakan.
 - Membantu kerja penyelenggaraan dan membaik pulih kerosakan kecil.
 - Tugas lain terutamanya yang dijalankan di luar kawasan pejabat.
3. Kelancaran Urusan Pejabat
 - Memastikan kebersihan pejabat sepanjang masa.
 - Menyusun atur bilik mesyuarat/ ruang kerja serta memastikan peralatan disenggarakan dengan baik.
 - Memastikan dokumen dan peralatan yang diperlukan diedarkan mengikut peraturan yang ditetapkan.
 - Tugas-tugas lain berkaitan pengurusan am pejabat
4. Pengurusan Dokumen
 - Melaksana tugas penyampaian dan kutipan dokumen mengikut kaedah yang ditetapkan.
 - Membantu membuat salinan pendua dan penjilidan dokumen.
 - Mengemas kini dokumen dan rekod berkaitan.
 - Tugas-tugas lain berkaitan pengurusan am dokumen/ rekod.

9. JAWATAN	: PEMBANTU KHIDMAT AM (AM) (PENYELENGGARAAN RUMAH REHAT LANGKAWI)
KEKOSONGAN JAWATAN	: 01
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
TARAF JAWATAN	: KONTRAK/TETAP
GRED JAWATAN/GAJI	: GRED H1 RM1,500.00 – RM4,680.00
TEMPAT BERTUGAS	: RUMAH REHAT DBKL LANGKAWI

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

*** Calon yang memiliki kelayakan SPM hendaklah menyemak syarat kelayakan minimum di laman web https://docs.jpa.gov.my/docs/sspa/LAMPIRAN_B.pdf

SYARAT TAMBAHAN

- (i) Calon yang tinggal dan menetap di Kedah adalah diberi keutamaan; dan
- (ii) Calon yang memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu yang diliputi oleh tugas berkenaan.

B. UMUR

Calon-calun hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

C. CARA MEMOHON

- (i) Kelayakan dan syarat permohonan jawatan kosong ini boleh didapati dengan melayari laman sesawang rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu www.dbkl.gov.my dan permohonan hendaklah dikemukakan secara **ATAS TALIAN (ONLINE) SAHAJA** dengan menggunakan **Sistem Recruiting DBKL** <https://career.dbkl.gov.my>
- (ii) Permohonan daripada pegawai dan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hendaklah dikemukakan secara **ATAS TALIAN (ONLINE) SAHAJA** dengan menggunakan **Modul Kerjaya di Employee Self Services (ESS)**.
- (iii) Manual Penggunaan Sistem *Recruiting* DBKL boleh dimuat turun di pautan <https://www.dbkl.gov.my/manual-penggunaan-sistem-recruiting-dbkl/> untuk rujukan calon.
- (iv) Semakan pengiktirafan kelayakan sijil/ diploma/ ijazah sarjana muda/ ijazah sarjana boleh dibuat melalui laman web Agensi Kelayakan Malaysia iaitu <https://www2.mqa.gov.my/Esisraf/kelayakan.cfm>
- (v) Calon **TIDAK PERLU MENGHANTAR** salinan Ijazah, Diploma, SPM, SVM, SKM, Sijil-sijil atau *resume* bagi jawatan berkaitan sehingga dihubungi untuk temu duga.
- (vi) Borang permohonan secara *online* yang **tidak lengkap akan ditolak**.
- (vii) Hanya calon-calun yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dipanggil ke peringkat seterusnya.
- (viii) **Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ENAM (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah beranggapan bahawa permohonan tuan/puan tidak berjaya.**

TARIKH BUKA IKLAN : 09 OKTOBER 2025

TARIKH TUTUP IKLAN : 23 OKTOBER 2025

Iklan kekosongan jawatan ini juga dipaparkan di portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
(www.dbkl.gov.my)